

# ANAK<sup>2</sup> SENI KAGUMI PEMIMPIN NEGARA



■ DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad

Oleh JALIL SALLEH



SHARIFAH Aini semakin seronok bekerja keras



RAFEAH Buang...seruannya satu seruan yang realistik

SUDAH 26 tahun kita Merdeka dan sudah empat kali kita bertukar Perdana Menteri. Dari 'Bapak Malaysia' — Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1957 — September 1970), Allahyarham Tun Abdul Razak (September 1970 — Januari 1976), Tun Hussein Onn (Januari 1976 — Julai 1981) hinggalah kini...teraju negara diambil alih oleh — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (sejak 16 Julai 1981).

Rakyat telah banyak mengecap sebagai pembangunan fizikal dan spiritual sejak merdeka. Di sana sini berbagai cerita dibualkan oleh rakyat dari berbagai lapisan, termasuklah artis-artis yang juga berpengaruh di tanahair. Mereka juga seperti rakyat lain, turut mengecap nikmat hasil kemerdekaan negara.

Sesuai dengan bidangnya, nikmat atau sumbangan mereka tentulah berlegar di sekitar seni dan budaya. Memang sejak merdeka hingga kini, perkembangan seni dan budaya tanahair bertambah rancak — baik di bidang muzik, tari, seni suara, seni lakon, seni lukis, saetera, filem dan sebagainya.

Sharifah Aini dan Rafeah Buang adalah antara dua orang artis yang paling diminati ramai. Mereka lahir sebelum merdeka dan dengan itu, mereka adalah antara ribuan artis tanahair yang turut menikmati hasil pembangunan dari pemimpin-pemimpin negara kita.

Mereka sedar akan perubahan yang berlaku, dan mempunyai pandangan sendiri tentangnya. Misalnya, coba kita tinjau apakah pandangan mereka terhadap kabinet pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan apakah pandangan mereka terhadap konsep Bersih, Cekap, Amanah yang menjadi teras dan falsafah kepimpinan kabinet Perdana Menteri hari ini?

Begitu juga apa komen mereka tentang kepimpinan melalui teladan, sejauh mana mereka memahami konsep Pandang ke Timur dan lain-lain.

Sebenarnya, artis-artis kita mempunyai daya fikiran yang cergas, matang dan kreatif. Cuma, terlalu jarang wartawan hiburan sedia berbicara dengan mereka tentang soal-soal demikian.

Berikut, misalnya, adalah sebahagian dari pandangan-pandangan dan pendapat artis kita itu.

**SHARIFAH AINI** berpendapat: "Terus terang Ani katakan, sejak Datuk Seri Dr Mahathir memegang puuk pimpinan negara kita, terlalu banyak perubahan besar yang hebat berlaku, baik di segi pembangunan negara, mahupun pembangunan jawa.

### Berharga

"Tentang pembangunan negara dan ekonomi, tak payahlah Ani ceritakan panjang lebar. Lihat saja dengan mata kepala sendiri. Ani sendiri terpegun. Sekali-sekala atau sebulan sekali Ani lintas di Bandaraya Kuala Lumpur, ada-ada saja perubahan. Dan ada saja bangunan-bangunan baru yang naik.

Perkembangan paling ternyata luar biasanya katanya, ialah cara Perdana Menteri mengusahakan semangat dan menggalakkan rakyat supaya berdisiplin dan bekerja keras.

"Contohnya seperti memulakan sistem kerja gunakan punch-card. Pendek kata, tidak ada waktu untuk kita membuang masa. Dan tidak ada tempat bagi orang-orang yang malas. Benar-benar kita rasakan masa itu lebih berharga dari emas sekarang," kata Sharifah Aini.

"Ani pun semakin seronok bekerja keras. Sebab hari-hari baca surat-khabar tentang ucapan pemimpin kita yang berulang kali suruh bekerja keras," tambahnya.

"Sedang rakyat bekerja keras, kami anak-anak seni pun menjalankan tugas masing-masing menghiburkan rakyat dengan berbagai cara untuk mencari rezeki. Kalau semua orang kerja kuat, tentulah kedudukan

ekonomi kita pun ikut kuat dan teguh.

Sharifah Aini berpendapat bahawa amalan bersih, cekap dan amanah yang diserapkan dalam kepemimpinan baru itu amat sesuai pada zaman dan semangat pentadbiran sekarang. "Ani bangga punya pemimpin macam lu," tambahnya. Satu kelebihan Datuk Seri Dr Mahathir ialah beliau merupakan teladan yang berkesan, menepati prinsip Kepemimpinan Melalui Teladan.

Sharifah Aini merasa bahawa dengan prinsip dan pegangan begitu, amat baiklah jika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat memerintah lama. "Ani rasa, kalau boleh biarlah selama-lamanya dia memerintah," katanya.

"Siapa yang tak mahu pemimpin yang bersikap terbuka macam dia? Dia lebih suka bersikap terus terang dan tegas."

Sharifah Aini mengagumi sikap dan pegangannya, khususnya sesuatu yang mencegah rasuah. Katanya, "Pembungkaran macam itu memang bagus."

"Bila Ani cakup makam ni, bukanlah bermaksud yang pemimpin-pemimpin sebelum beliau tidak bagus. Bagi Ani, semua pemimpin telah menabur jasa bakti masing-masing dengan menerapkan perubahan pembangunan negara dan rakyat cara tersendiri.

"Cuma Datuk Seri Dr Mahathir mencergaskan lagi pembangunan dan perubahan itu lebih cepat dan cermat.

### Bernas

"Dengan mengubah sikap umum dari malas menjadi rajin dan dari lembab menjadi cergas, negara kita kini mulai disegani oleh mata dunia. Boleh dikatakan, Datuk Seri Dr Mahathir adalah seorang negarawan yang berani menyalur kuasa-kuasa besar yang angkuh.

"Walaupun kita kecil, tapi beliau membuat orang-orang luar sekarang pandang kita besar. Kerana jiwa kita besar dan tidak mudah tunduk dengan sesiap. Ani sentiasa mengikuti ucapan-

ucapannya yang menarik dan bernas seperti terlar di akhbar dan tv.

"Sikapnya yang sederhana dan disegani oleh tokoh-tokoh pemimpin dunia ini benar-benar membuat kita boleh turut tempat bergantung — A leader which the people can rely on.

"Usaha beliau membawa Malaysia Pandang Ke Timur, terutama ke Korea dan Jepun, diluahkan oleh rakyat.

"Ani adalah salah seorang dari berjuta rakyat di negara ini yang pernah berkunjung ke negara tersebut. Memang orang-orang Korea dan Jepun mahu sebab sikap mereka rajin dan kuat bekerja. Mereka bekerja tidak sambil lewa, tapi dengan tekun," jelasnya.

"Ada satu perkara yang ingin Ani syorkan — eloklah diadakan rancangan pertukaran artis-artis kita dengan Korea dan Jepun di tv atau pentas. Mungkin cara begini dapat memupuk hubungan baik dan muhibah.

"Lain kali, kalau Datuk Seri kita melawat luar, sama ada penari atau penyanyi, untuk memperkenalkan artis-artis dan lagu-lagu kita kepada pemimpin dan rakyat yang dikunjungi itu," tambahnya. Biduanita Rafeah Buang pula berpendapat kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir yang baru dua tahun nampaknya telah menjupukan teras baru ke dalam jiwa orang-orang Melayu dalam semua bidang.

"Selama ini, ramai orang Melayu kurang yakin pada diri sendiri. Mereka bernas rendah diri.

"Kita harus bersyukur mendapat pemimpin macam Datuk Seri sekarang. Dia telah membangkitkan mata rakyat, khususnya orang Melayu. Ramai antara orang Melayu sekarang mulai sedar dan bertumbuh-tumbuh mengejar kemajuan dan kejayaan hidup.

Kata Rafeah, untuk mengajak rakyat maju ke depan, beliau sendiri yang menjadikan dirinya teladan menerusi amalan kepimpinan melalui teladan.

"Apa yang ditegaskan, bukannya suatu seruan semata. Datuk Seri mengamalkannya sekali. Seruannya satu seruan yang realistik.

"Seruan itu harus diamalakan turun-temurun. Ibu bapa sebagai pemimpin masyarakat di rumah, harus mengamalkannya a supaya anak-anak ikut contoh.

Rafeah mengakui bahawa dia mengagumi Datuk Seri Dr Mahathir. "Orangnya tenang, kuat disiplin, cendekiawan dan arif," katanya. "Yang paling saya kagumi ialah kecerdasan pemikirannya. Sesuatu yang kita tidak terfikir, tapi terfikir olehnya.

Satu hal lain yang dikagumi oleh Rafeah ialah di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir, para artis tanahair boleh dikatakan macam 'anak emas'. Kebajikan mereka diberi perhatian.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia